

18/10/2001

Perhimpunan Agung Umno dicadang 11 Mei

KUALA LUMPUR, Rabu - Perhimpunan Agung Umno tahun depan dicadang diadakan pada 11 Mei iaitu sempena hari ulang tahun penubuhan parti itu, kata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, berikutan itu tarikh mesyuarat peringkat cawangan dan bahagian akan diadakan lebih awal supaya dapat diselesaikan menjelang April tahun depan.

"Oleh itu, semua ahli parti juga dinasihatkan supaya membayar yuran masing-masing selewat-lewatnya akhir tahun ini supaya tidak perlu diheretkan ke tahun depan. Saya berharap semua bahagian akan memastikan yuran itu dibayar dan diselesaikan.

"Sama ada perhimpunan agung parti mesti diadakan 11 Mei setiap tahun, bergantung kepada keputusan Majlis Tertinggi (MT). Tetapi untuk tahun depan, 11 Mei dicadangkan bagi tujuan itu kerana ia sesuai dengan tarikh penubuhan Umno," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno, di sini petang ini.

Beliau berkata, mesyuarat hari ini juga memutuskan supaya majlis penerangan mengenai isu semasa seperti pengisytiharaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan serangan Amerika ke atas Afghanistan kepada ahli parti dipertingkatkan lagi.

Katanya, ini bagi mengelak ahli daripada terkeliru dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti akan menemui ahli dari masa ke semasa bagi memberi maklumat mengenai isu semasa.

Mengenai hasrat Pas untuk menghantar memorandum kepada Perdana Menteri bagi menyatakan ciri-ciri sebuah negara Islam, beliau berkata ia terpulang kepada Dr Mahathir sama ada mahu menerima atau tidak memorandum itu.

Bagaimanapun, katanya, belum ada cadangan supaya Umno mengadakan perhimpunan agung khas bagi membincangkan isu pengisytiharaan Malaysia sebagai negara Islam.

(END)